



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

13 MAC 2026 (JUMAAT)

Sarawak Live Pig Exports Boost Malaysia's Pork Production, Eye 90 pct Self-Sufficiency by 2030

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Dayak Daily	Local	Dalam Talian	12 Mac



File photo for illustration purposes only. Photo by: Ray_Shrewberry from Pixabay

KUCHING, March 12: Local pork production in Malaysia is being reinforced through the export of live pigs from Sarawak to Peninsular Malaysia, alongside preventive measures against animal and zoonotic diseases, as the federal government works to boost self-sufficiency.

In a TVS news, Deputy Minister of Agriculture and Food Security Datuk Chan Foong Hing said that the government aims to increase Malaysia's pork self-sufficiency rate (SSR) to 90

percent by 2030.

"The pork SSR in 2024 averaged 67.8 per cent. This indicates that part of our domestic demand still relies on imports to meet market needs.

"However, local production continues to be strengthened to improve the country's supply adequacy," he said in the Dewan Negara today.

Chan was responding to Senator Datuk Wu Him Ven, who asked about the pork SSR for 2025 and the

government's interventions to control rising market prices.

He added that efforts to boost local production are crucial for enhancing farm productivity and ensuring that local pork supply is sufficient, reducing reliance on imports.

To address the impact of global livestock feed price fluctuations, the Department of Veterinary Services Malaysia (DVS) conducts continuous monitoring of live pig farm selling prices.

"In addition to price monitoring, we also encourage large-scale domestic corn cultivation to reduce import dependence by up to 30 per cent by 2040," he said.

Chan emphasised that the government continually assesses the livestock industry's current needs to ensure development aligns with other sustainable livestock sectors and moves toward modernisation.

He noted that the pork farming industry is being transformed toward modern farming through closed-farm systems, more efficient waste management, and strict compliance with environmental standards. —
[DAYAKDAILY](#)

Dewan Negara: Kerajaan Sasar Tingkatkan SSR Daging Babi Kepada 90 Peratus

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TV Sarawak	Nasional	Dalam Talian	12 Mac



Kerajaan menasaskan untuk meningkatkan kadar sara diri (SSR) daging khinzir di Malaysia kepada 90 peratus menjelang 2030. Foto hiasan Envato

KUALA LUMPUR, 12 Mac: Kerajaan menasaskan untuk meningkatkan kadar sara diri (SSR) daging khinzir di Malaysia kepada 90 peratus menjelang 2030.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Chan Foong Hing berkata, SSR daging khinzir pada 2024 mencatatkan purata 67.8 peratus.

“Ini menunjukkan sebahagian keperluan domestik masih bergantung kepada import bagi

menampung permintaan pasaran.

“Walau bagaimanapun, pengeluaran tempatan terus diperkukuh bagi meningkatkan tahap kecukupan bekalan negara,” katanya di Dewan Negara hari ini.

Beliau menjawab soalan Senator Datuk Wu Him Ven yang ingin tahu kadar SSR daging khinzir pada tahun 2025 serta langkah-langkah intervensi diambil kerajaan dalam mengawal kenaikan di

pasaran.

Mengulas lanjut, Foong Hing berkata, pengeluaran tempatan terus diperkukuh melalui pengeksportan khinzir hidup dari Sarawak ke Semenanjung Malaysia serta langkah pencegahan penyakit haiwan dan zoonotik.

“Usaha ini penting bagi meningkatkan produktiviti ladang dan memastikan bekalan daging khinzir tempatan mencukupi, sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada import,” katanya.

Bagi menangani impak turun naik harga dedak ternakan global, beliau berkata Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) melaksanakan pemantauan berterusan terhadap harga jualan khinzir hidup di peringkat ladang.

“Selain pemantauan harga, kami juga menggalakkan penanaman jagung bijian berskala besar dalam negara bagi mengurangkan kebergantungan import sehingga 30 peratus menjelang 2040,” katanya.

Beliau menegaskan kerajaan sentiasa meneliti keperluan semasa industri ternakan bagi memastikan pembangunan sektor itu selari dengan pertumbuhan

industri ternakan lain yang mampan dan menuju ke arah pemodenan.

Ujarnya, kerajaan menggalakkan transformasi industri ternakan khinzir ke arah penternakan moden melalui pelaksanaan sistem ladang tertutup, pengurusan sisa yang lebih efisien serta pematuhan terhadap standard alam sekitar. – [TVS](#)

Ayam, Daging Sejuk Beku RM374,000 Dirampas

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Borneo	Berita	Dalam Talian	12 Mac



RAMPAS: Sebahagian produk yang dirampas selepas mendapati tamat tempoh sejak tahun 2022, 2023, 2025 serta Januari 2026

Produk ayam dan daging sejuk bernilai kira-kira RM374,010.80 dirampas dalam satu operasi pelbagai agensi yang dijalankan di Jalan Pinagsu, di sini 9 Mac lalu.

Operasi itu melibatkan Pasukan Polis Marin (PPM) Kudat dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Daerah Kudat serta Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kudat.

Wilayah 4 Sabah, Asisten

Komisioner Ahmad Amri Abd Rahman berkata, serbuan di sebuah rumah di kawasan berkenaan mendapati premis itu dipercayai dijadikan lokasi penyimpanan produk ayam dan daging sejuk beku.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut menemukan tiga unit peti penyimpanan sejuk yang menyimpan pelbagai jenis kotak ayam dan daging beku dalam kuantiti yang banyak.

“Semakan oleh KKM Daerah Kudat kemudian menemukan beberapa produk makanan

Yang sudah tamat tempoh.

“Antara produk berkenaan didapati tamat tempoh sejak tahun 2022, 2023, 2025 serta Januari 2026,” katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Beliau berkata, keadaan itu menimbulkan kebimbangan dari aspek keselamatan makanan dan kesihatan pengguna sekiranya produk berkenaan berada dalam pasaran.

Katanya, perbuatan berkenaan disyaki menyalahi Peraturan 38(1)(c), Peraturan Peraturan Kebersihan Makanan 2009 serta Peraturan 11 kerana gagal mematuhi kewajipan pemilik premis memastikan premis berada dalam keadaan bersih dan selamat.

“Kesemua produk yang ditemukan dirampas bagi tindakan lanjut oleh pihak berkuasa.

“Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM374,010.80,” katanya.

Beliau berkata, operasi itu dijalankan sebagai sebahagian usaha memperkukuh pemantauan terhadap aktiviti penyimpanan dan pengedaran produk makanan sejuk beku di daerah berkenaan.

Menurutnya, pihak berkuasa memandang serius sebarang pelanggaran peraturan berkaitan keselamatan makanan yang boleh memberi risiko kepada pengguna.

“Penguatkuasaan secara berterusan akan dilaksanakan bagi memastikan semua pengusaha makanan mematuhi piawaian kebersihan serta keselamatan yang ditetapkan,” katanya.-

[UTUSANBORNEO](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR